



KENYATAAN MEDIA

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS) DENGAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

KOTA SAMARAHAN, 24 MEI 2023 – Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melakar lembaran baharu bagi kerjasama di antara dua (2) agensi tersebut. MoU tersebut telah dimeterai oleh Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, Naib Canselor UNIMAS dan Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN bertempat di Rumah Universiti, UNIMAS.

PTPTN adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited membudayakan agenda penabungan untuk perancangan kewangan rakyat Malaysia melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) di samping menyediakan pinjaman bagi tujuan pendidikan tinggi.

Simpan SSPN merupakan instrumen simpanan yang menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada rakyat Malaysia. Hasrat PTPTN adalah untuk membantu ibu bapa dan pelajar agar mempunyai perancangan kewangan yang baik demi masa depan pendidikan agar tidak terbeban dengan hutang. Melalui perancangan kewangan, graduan tidak terlalu bergantung kepada pinjaman semata-mata sebaliknya menggunakan simpanan untuk menampung kos pengajian mereka.

Melalui MoU ini, PTPTN dan UNIMAS bersetuju untuk memastikan pembudayaan penabungan melalui Simpan SSPN, meningkatkan kefahaman dan kesedaran pelajar tentang bayaran balik pinjaman serta memperkasakan penyelidikan dan pembangunan untuk memasarkan produk Simpan SSPN. PTPTN dan UNIMAS bersetuju untuk bekerjasama merangkumi pelbagai skop antaranya:

- i. Pembudayaan penabungan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) bagi seluruh warga UNIMAS melalui pelbagai program;
- ii. Penyaluran Biasiswa atau Bantuan Kewangan Pelajar yang disediakan UNIMAS melalui akaun Simpan SSPN Prime;

- iii. Jaringan kerjasama di dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) antara UNIMAS dan PTPTN; dan
- iv. Peluang mengadakan program *Job Matching* yang akan memberi manfaat buat graduan UNIMAS.

Selaras dengan tujuan “*Community-Driven University*” UNIMAS berupaya menjadi kampus contoh budaya penabungan bijak dengan pelbagai program penyampaian informasi oleh PTPTN, yang dijangka dapat memberi manfaat buat komuniti pelajar universiti yang berjumlah hampir 16,500 orang.

UNIMAS yang diwakili oleh Pusat Khidmat Pelajar, HEPA merupakan sebuah universiti di Malaysia yang sentiasa berusaha meningkatkan dan menguatkan program pembelajarannya dan telah mengambil banyak inisiatif dalam melengkapkan kecemerlangan pendidikannya. Dengan kemudahan penyelidikan dan pembelajaran, pengalaman, dan kumpulan pakar pelbagai bidang di kalangan kakitangannya, UNIMAS telah melaksanakan banyak kerjasama kolaboratif dengan pelbagai pihak dalam usahanya untuk meningkatkan pengisian penyelidikan dan mengukuhkan jaringan industrinya.

Diharap dengan kerjasama ini dapat memberikan impak positif kepada PTPTN dan UNIMAS dalam memastikan para pelajar lebih cakna dan berpengetahuan mengenai perancangan kewangan melalui Simpan SSPN.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi:

Maclean Anak Patrick Sibat
Chancellory Division
Universiti Malaysia Sarawak
012-8837098
psmaclean@unimas.my

Hasliza Abdul Latiff
Timbalan Pengurus
Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
019-3542388
hasliza@ptptn.gov.my

Dikeluarkan oleh:
Chancellory Division
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel: 082-51216 Fax: 03-79560027